UUM-Intel bekerjasama dalam pelbagai bidang

UM 27/7/05 27:1

SINTOK 26 Julai – Universiti Utara Malaysia (UUM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Intel Malaysia bagi mewujudkan kerjasama dalam pembangunan, promosi dan penyelidikan bagi bidang sains, teknologi maklumat dan multimedia serta pengurusan teknologi.

UUM merupakan universiti bukan berasaskan kejuruteraan pertama yang mengadakan perjanjian seumpama itu di negara ini. Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi berkata, melalui MoU itu juga kerjasama dalam bentuk tawaran biasiswa, penganjuran aktiviti akademik seperti persidangan, seminar, simposium dan syarahan, program pembangunan latihan sumber manusia seperti latihan industri, pertukaran kakitangan, ceramah teknikal, latihan praktikal, penyelidikan serta pembangunan dalam bidang yang bersesuaian dapat diadakan antara dua organisasi berkenaan.

Beliau berkata, melalui kerjasama pintar ini juga, akan membolehkan para pensyarah dan pelajar diberi pendedahan khususnya dalam bidang sains kuantitatif.

"Sehubungan itu, mereka akan dapat memperkukuhkan lagi ilmu masing-masing dalam bidang tersebut dan dapat juga menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku dalam bidang sains kuantitatif," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis menandatangani MoU antara UUM dengan Intel Malaysia di Dewan Senat, UUM di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Urusan Intel Malaysia, KC Yoon.

Bertepatan

Dr. Nordin memberitahu, kerjasama ini juga adalah bertepatan dengan UUM yang merupakan universiti pengurusan yang mana ia memiliki pengetahuan dan kepakaran yang boleh menyelesaikan pelbagai masalah yang wujud dalam data perniagaan.

Selain itu Yoon berkata, Intel Malaysia melalui Program Pendidikan Tinggi Intel akan membolehkan syarikat membantu institusi pendidikan di negara ini melahirkan lebih ramai graduan yang memiliki ilmu berasaskan teknologi.

Menurutnya, pasaran tempatan masih kekurangan tenaga mahir berasaskan teknologi dan ini adalah masa yang paling sesuai untuk mewujudkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam seperti UUM untuk mencapai misi berkenaan.

Program Pendidikan Tinggi Intel bertujuan untuk melahirkan tenaga mahir muda dalam bidang teknologi, sains kuantitatif, teknologi multimedia dan kejuruteraan.

Beliau berkata, sebelum ini Intel yang merupakan pembuat chip dan pengeluar komputer, rangkaian serta produk komunikasi terbesar di dunia telah menjalinkan kerjasama dengan lebih daripada 100 buah universiti dari 30 buah negara seluruh dunia yang bertujuan untuk mengembangkan kurikulum universiti, penglibatan dalam penyelidikan serta menggalakkan pelajar merebut peluang penyelidikan dan pembelajaran berbentuk teknikal.

Sementara itu, dalam majlis berkenaan Intel Malaysia telah menyumbangkan perisian enjin pengoptimum ILOG 4 dan ILOG Optimum Program Bahasa (OPL) Studio yang bernilai RM76,000 kepada Fakulti Sains Kuantitatif.

Melalui perisian tersebut, para pelajar dalam bidang tersebut dapat lebih pendedahan mengenai penggunaan perisian pengoptimum yang lebih baik.

UUM/KAPS/UM/27.07.2005/P: 27 (1)